

Pembangking hasut peguam

B.H. 16 MAR 1992

KUALA LUMPUR, Ahad — Majlis Penguam yang dipengaruhi pemikiran politik parti pembangkang adalah golongan yang kecewa kerana tidak mempunyai kuasa dalam negara ini, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Sehubungan itu, katanya, kerajaan tidak akan terpengaruh dengan sebarang tindakan Majlis Penguam yang dianggap tidak tahu menimbang secara adil dan berat sebelah.

Menurutnya, tindakan Majlis Penguam mengekalkan resolusi 1988 untuk tidak mengiktiraf Ketua Hakim Negara, Tun Abdul Hamid Omar, tidak

memberi kesan kepada kerajaan.

“Tindakan (Majlis Penguam) ini bukan tindakan penguam tetapi perbuatan orang kecewa kerana mereka tidak mempunyai kuasa dalam negara ini dan tidak sanggup pula mendapatkan kuasa melalui proses demokrasi.

“Di kalangan mereka memang ada sedikit sebanyak kuasa. Tetapi dengan kuasa sebanyak itu pun, kita sudah lihat bagaimana mereka sanggup menyalahgunakan kuasa,” katanya kepada pemberita selepas melancarkan Hari Pengguna Sedunia di sini hari ini.

Dr Mahathir berkata,

kerajaan yang tidak mempunyai kuasa untuk bertindak terhadap Majlis Penguam, menyerahkan kepada rakyat untuk mengadili majlis itu, sama ada ia berfungsi sebagai badan penguam atau parti politik

Ditanya mengenai cadangan menjadikan Penguam Negara sebagai pemimpin Majlis Penguam, Perdana Menteri berkata, kerajaan tidak berminat mengongkang Majlis Penguam.

“Majlis Penguam dianggap orang terpelajar yang boleh berfikir sendiri. Mereka harus mengkaji sendiri tindak-tanduk mereka. sama ada ia bera-

saskan prinsip keadilan dan amalan perundangan,” katanya.

Semalam di mesyuarat agung Majlis Penguam, kekalkan resolusi tidak mengiktiraf Abdul Hamid menyebabkan Presiden-nya, Manjeet Singh Dhillon, meletak jawatan serentak kerana tidak bersetuju dengan keputusan itu.

Perdana Menteri menyifatkan keputusan Manjeet itu sebagai amat berani kerana menjangka beliau akan dikesampingkan berikutan tuduhan Majlis Penguam bahawa Manjeet menukar pendiriannya.

“Tetapi mengikut penjelasan (Manjeet) semalam, dia tidak menukar pendirian. Apa yang berlaku ialah keadaan sudah berubah,” katanya.

Ditanya sama ada kerajaan akan menyediakan tatacara perilaku untuk penguam, Dr Mahathir berkata, ia tidak perlu dibuat kerana Majlis Penguam tidak mematuhi kod etika mereka sendiri.

Menurutnya, tindakan Majlis Penguam yang tidak mahu menerima keputusan mahkamah berhubung kedudukan Abdul Hamid sebagai Ketua Hakim Negara adalah satu penghinaan terhadap mahkamah.